

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 3 – SURAH AL-`IMRAN



<https://youtu.be/NBJE4pFuxfU>

VIDEO – [Durasi – 1j 38m 08s] – SURAH AALI `IMRAAN – Tafsir (Struktur Makro) – Maulana Muhd Asri Yusoff

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 3 – SURAH AL-`IMRAN

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [02:05](#) – Mesej Utama
- 2- [04:42](#) – Zaman Diturunkan & Kelebihan Dan Fadhilat Surah Aali `Imraan
- 3- [08:13](#) – Perkaitan Surah Aali `Imraan Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya
- 4 – [08:27](#) – (a) Di akhir Surah al Fatihah tersebut dua perkataan ini: الْمُضْطُوبِ عَلَيْهِمْ (orang-orang yang dimurkai) dan الضَّالِّينَ (orang-orang yang sesat).
(b) Di akhir Surah al Baqarah, Allah mengajar satu doa kepada orang-orang Islam, iaitu فَاَنْصِرْنَا عَلَى الْكُافِرِينَ (tolonglah kami dalam menghadapi orang-orang kafir)
(c) Sebagaimana al Kitab yang disebutkan pada ayat kedua
(d) Dipermulaan Surah al Baqarah (lihat ayat ke 26)
(e) Didalam surah al Baqarah disebut tentang nabi Adam yang dijadikan Allah sebagai khalifah di bumi.
- 5- [46:06](#) – Ciri-Ciri Yang Dikongsi Bersama Oleh Surah Al Baqarah Dan Surah Aali `Imraan
- 6- [48:00](#) – Beberapa Kata Kunci Terpenting Didalam Surah Aali `Imraan
- 7- [49:15](#) (a) Berkali-kali di dalam Surah Aali `Imraan ditegaskan bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah. (b) Dua Bahagian Besar Surah Aali `Imraan Dan Struktur Makronya. (c) Struktur Makro Surah Aali `Imraan. (d) Mesej Utama Surah. (e) Empat Tema Utama Surah Aali `Imraan. (f) Hubungan antara Ahli Kitab dan orang-orang Islam. (g) Beberapa Hukum dan Perintah lain untuk orang Islam. (h) Sebab-sebab dan faktor-faktor yang membawa kepada kekalahan sementara orang-orang Islam pada peperangan Uhud. (i) Peranan orang-orang munafiq dalam perang Uhud

SINOPSIS

=====

MESEJ UTAMA SURAH AALI 'IMRAAN

=====

Empat langkah perlu diambil untuk kemenangan Islam:

1. Dakwah kepada Ahli Kitab
2. Mengambil manfaat daripada kebaikan yang ada pada Ahli Kitab
3. Menjauhi keburukan yang ada pada ahli kitab
- 4 Kesatuan dan kesepakatan umat Islam di samping mereka diikat dengan pergerakan yang tersusun.

=====

KELEBIHAN DAN FADHILAT SURAH AALI 'IMRAAN

=====

Hadith bermaksud, "Bacalah kamu al-Qur'an, kerana ia akan datang pada hari kiamat nanti sebagai pemberi syafa'at kepada orang-orang yang membacanya. Bacalah dua surah yang gilang-gemilang, (Surah) al-Baqarah dan Surah Aali 'Imraan, kerana kedua-duanya akan datang pada hari kiamat nanti sebagai dua kumpulan awan atau sebagai dua payung besar atau sebagai dua kumpulan burung yang terbang berbaris-baris dengan tujuan membela pembaca-pembacanya".

=====

TEMA UTAMA SURAH AALI 'IMRAAN

=====

1. Manusia kadang-kadang boleh sesat meskipun ia menggunakan petunjuk dari Allah. Keadaan itu berlaku apabila ia menyalahgunakannya. Salah satu bentuk penyalahgunaan kitab suci yang diturunkan oleh Allah, iaitu apabila manusia meninggalkan ayat-ayat yang "muhkamaat" dan suka sangat mengharungi ayat-ayat "mutasyabihaat". Umat Islam diajar supaya sentiasa berdoa, "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian".
2. Dinyatakan kepada Ahli Kitab dengan terang bahawa agama yang diterima di sisi Allah hanyalah Islam.
3. Umat Islam diberi gelaran "sebaik-baik umat".

NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

[NOTA TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 3 – AL-IMRAN](https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/3.-surah-ali-imraan.pdf)

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/3.-surah-ali-imraan.pdf>]